

'DUKA YANG BERTAKHTA': ADAB PEMERINTAH DALAM DUA KARYA KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL

'DUKA YANG BERTAKHTA': RULER CUSTOMS IN TWO TEXTS
MALAY TRADISIONAL LITERATURE

Rahimah Hamdan
Arba'ie Sujud
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor

Email:rahimahh@upm.edu.my

Abstrak

Ketidakstabilan politik akibat kemangkatan Sultan Mahmud Syah pada tahun 1812 telah diambil kesempatan oleh British untuk meraih pengaruhnya di selatan Tanah Melayu terutama bagi mendapatkan kuasa perdagangan di Singapura. Kelicikan British mencampuri krisis penobatan sultan berhasil apabila Sultan Hussain Muadzam Syah ditabal sebagai raja Singapura yang pertama. Adalah menjadi adat yang diwarisi sejak zaman Kesultanan Melayu Aceh pada awal abad ke-17 Masihi lagi, kitab *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dijadikan rujukan utama oleh raja-raja Melayu dalam pemerintahan mereka. Sehubungan itu, Sultan Hussain Muadzam

Syah tidak terkecuali menjadikan kitab ini sebagai dasar utama dalam pemerintahan. Maka, objektif makalah ini adalah untuk menghuraikan adab raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam kitab *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dan membandingkannya dengan perilaku raja Singapura pertama dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*. Dengan menggunakan metod analisis teks terhadap kitab *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dan *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*, kajian ini mengketengahkan adab yang sepatutnya menjadi amalan raja dalam pemerintahan dan seterusnya memperjelaskan punca kejatuhan kerajaan Melayu Singapura akibat ketidakpatuhan kepada konsep adab tersebut. Dapatan kajian mendapati, walaupun Sultan Hussain Muadzam Syah menggunakan sastera ketatanegaraan ini sebagai panduan pemerintahannya, namun adab raja Singapura ini didapati tidak seiring seperti yang tergambar dalam syair. Ini mengakibatkan beralihnya kekuasaan Melayu di kota Singa itu ke tangan kolonial British. Kesimpulannya, seseorang pemimpin perlu memahami tanggungjawabnya sebagai 'Khalifah Allah swt' di muka bumi ini agar negara yang diperintah memperoleh keberkatan dan kesejahteraan.

Kata Kunci: Adab, Syair, *Tajus Salatin*, Sultan Hussain Muadzam Syah

Abstract

The political instability brought about by the death of Sultan Mahmud Syah in 1812 was exploited by the British to gain influence in southern Malaya, especially to control trade in Singapore. The cunning of the British in interfering with the crisis that erupted over the coronation of the sultan paid off when Sultan Husain Muadzam Syah was installed as the first ruler of Singapore. From the time of the Malay Sultanate of Aceh in the early 17th century, it had been customary for the book (kitab), *Tajus Salatin* (The Crown of Kings) to be used as a reference by the Malay rulers during their reign. Accordingly, Sultan Husain Muadzam Syah was no exception in using this book (kitab) as the key to his government policies. Thus, this paper is aimed at describing the customs (adab) pertaining to the Malay rulers as enshrined in the book (kitab) , *Tajus Salatin* (The Crown of Kings), and to compare it with the behaviour of the first ruler of Singapore in the Malay poem (syair), *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*. By analysing the texts in *Tajus Salatin* (The Crown of Kings) and *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*, this study highlights the customs (adab) that should have been practised by the ruler in his

government and further clarifies the reasons for the fall of the Malay government in Singapore for not complying with the concepts of those customs (adab). The finding shows that even though Sultan Husain Muadzam Syah also used this constitutional literature as a guide during his reign, it was found that the customs (adab) observed by the ruler of Singapore were not in line with this, as depicted in syair. Consequently, Sultan Husain Muadzam Syah was labelled as a weak leader until the supremacy and power of the Malays in the Lion City were crushed at the hands of the colonialists. In conclusion, a leader needs to understand his responsibilities as the 'Caliph of Allah' on this earth so that the country that is ruled by him will be blessed and prosperous.

Keywords: Customs, Poem, The Crown of Kings, Sultan Husain Muadzam Syah

1.0 Pengenalan

Evolusi anutan agama dan kepercayaan yang dialami oleh masyarakat Melayu sangat dinamik, bermula dengan kepercayaan animisme, Hindu-Buddha dan seterusnya Islam. Walaupun masyarakat Melayu telah memeluk agama Islam dan dibuktikan oleh zaman kegemilangan serta perkembangan Islam di Nusantara pada abad ke-15 Masihi, namun

peninggalan kepercayaan Hindu-Buddha masih kuat di jiwa masyarakat Melayu. Konsep '*The Divine King*' (*Devaraja*) yang masih menebal dalam jiwa masyarakat Melayu tradisional menyebabkan raja dinobatkan sebagai satu kuasa tertinggi dalam hierarki masyarakat (Geldern, 1942:22). Fenomena ini telah memunculkan raja sebagai ketua yang mempunyai kuasa mutlak ke atas semua rakyatnya. Kesucian raja itu diperkukuhkan dengan pelbagai mitos mengenai keajaiban keturunan serta kedaulatan mereka, sebatu dalam kepercayaan agama Hindu-Buddha yang diwarisi sejak turun-temurun. Ketibaan Islam seawal abad ke-11 Masihi tambah memperhebat *status quo* raja Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Mereka terus dikaitkan dengan asal keturunan daripada tokoh agung dunia Timur dan Barat yang diserlahkan menerusi pelbagai mitos kelahiran. Tanggung jawab sebagai 'Khalifah Allah' atau 'bayangan Tuhan di dunia' terus mengabsahkan legitimasi raja sebagai 'raja berdaulat' (Bagley 1964:45). Sehubungan itu, sebagai seorang pemimpin yang diamanahkan untuk mentadbir dunia dengan penuh bijaksana, Islam sebagai satu cara hidup telah meletakkan syarat ke atas keistimewaan kuasa raja-raja. Raja atau pemerintah perlu menyedari tanggungjawab besar yang terpikul di atas bahu mereka demi memenuhi amanah Allah swt serta pada masa yang

sama berusaha untuk menjadi model terbaik kepada golongan diperintah (insan kamil atau insan adabi) (Braginsky 1993 dan 1998; Muhd.Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md.Radzi 2016:90). Ini bermakna raja sebagai 'Khalifah Allah di dunia' perlu meletakkan adab sebagai elemen utama dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Slogan 'Raja yang adil raja disembah, raja yang zalim raja disanggah' adalah frasa yang diungkapkan dan tercatat dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* sebagai bukti termeterai satu perjanjian (waadat) antara pemerintah dan yang diperintah. Konsep keadilan bukan hanya terhad kepada soal memberi hukuman, tetapi juga segala urusan lain yang berhubungan dengan rakyat dan pemerintahan negara yang diolah secara lebih kreatif dalam karya kesusasteraan. Misalnya dalam karya-karya ketatanegaraan seperti *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja) (Mahkota raja-raja), Bustanus Salatin, Thamarat al-Muhimmah*, dan sebagainya yang dihasilkan bertujuan untuk memberi panduan berhubungan tatacara pemerintahan kepada raja-raja dan pembesar negara di Alam Melayu.

Sehubungan itu, karya sastera ketatanegaraan seperti *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* sering dijadikan panduan untuk memerintah negara oleh raja-raja Melayu sejak abad ke-17 Masihi lagi. Ini menyebabkan ramai

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

sarjana kolonial Belanda dan Inggeris pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 Masihi tertarik untuk mengkaji dan memahami kandungan kitab ketatanegaraan ini, seperti G.H.Werndly, Roorda van Eysinga, de Hollander, Ph.S.van Ronkel, R.O.Winstedt dan beberapa yang lain. Keseluruhannya, kajian para sarjana kolonial ini lebih kepada aspek filologi dan penentuan status pengarang *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)*. Namun pada dekad 1950-an sehingga kini, kajian diperhebat oleh beberapa sarjana dalam dan luar negara terhadap pelbagai aspek *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* seperti Marrison (1955), Johns (1961), Khalid M.Hussain (1966), Brakel (1970),Grinter (1979), Fatimah Embong (1982), Mohd. Aris Othman (1983), Siti Hawa Hj.Salleh (1992 dan 2010), Braginsky (1993; 2000), Barnard (1994), Asma Ahmat (1994), Jelani Harun (1996; 1999; 2001; 2003; 2004; 2005; 2006 dan 2009), Cheah Boon Kheng (2006), Khalif Muammar A.Harris (2011) dan Shah Rul Anuar dan Nik Kamal (2014). Berdasarkan kajian di atas, didapati tiada kajian yang membandingkan sastera ketatanegaraan ini terutamanya *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dengan bentuk atau genre lain dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. Apatah lagi, isu 'adab raja' yang merupakan tunggak dalam pemerintahan seperti yang termaktub dalam *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* tidak

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

diketengahkan oleh para sarjana secara terperinci. Kebanyakannya hanya berkisar perbandingan antara teks dalam genre ketatanegaraan, sumbangan Arab-Parsi terhadap genre ini di Alam Melayu, kajian terhadap isi kandungan dan penentuan identiti pengarang sebenar karya ini. Sekiranya terdapat kajian yang berorientasikan adab pemerintah, asas pengkajian lebih ditumpukan kepada kerangka adab perspektif Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) dan bukannya *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)*. Contohnya kajian terdahulu oleh Fadzilah Ahmad (2007), Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi (2013), Norasma Ab Aziz dan Muhd. Norizam Jamian (2016) serta Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi (2016).

Bertitik-tolak daripada inilah, kajian akan ditumpukan kepada aspek 'adab' pemerintah dengan dua objektif utama, iaitu menghuraikan adab raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam kitab *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dan membandingkannya dengan perilaku raja Singapura pertama seperti yang tergambar dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*. Syair ini dipilih sebagai perbandingan kerana raja yang digambarkan dalam syair ini turut menggunakan *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* sebagai panduan pemerintahan baginda. Namun, negara kota

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

yang ditadbir tetap jatuh ke tangan British sehingga terhapusnya kuasa Melayu di Singapura pada awal abad ke-19 Masihi. Secara tidak langsung, kajian ini dapat merungkai peribadi raja terakhir Singapura ini menerusi syair' gelap' yang disembunyikan sekian lama daripada pensejarahan Alam Melayu.

1.1 Adab pemerintah dan kitab *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)*

Kunci utama yang menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan manusia dalam kehidupan adalah pengekalan 'adab'. Walau bagaimanapun, 'adab' perlu dibajai dengan pelajaran (*education*) agar hidup subur dalam diri seseorang individu (Syed Muhammad Naquib al-Attas 2001:54). Pelajaran yang dapat menambah nilai 'adab' dalam diri individu adalah menerusi konsep pembelajaran Islam (*ta'dib*) yang mengandungi elemen ilmu (*'ilm*), petunjuk (*ta'lim*) dan bimbingan (*tarbiyah*) (Syed Muhammad Naquib al-Attas 1980:34). Sehubungan itu 'manusia yang beradab' adalah manusia yang mengenal Tuhan-Nya, mengenal dan mencintai Rasulnya, menjadikan Nabi Muhammad saw sebagai *uswah hasanah*, menghormati para ulama sebagai pewaris Nabi serta meletakkan ilmu pada tempat yang terhormat. Mematuhi syarat ini akan membuatkan seseorang manusia itu mampu menjalankan tugasnya sebagai '*Khalifah Allah*' dengan jayanya

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

(Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2001: 118-120). Pentingnya 'adab' dalam kehidupan manusia tidak dapat disangkal lagi kerana 'adab' adalah "[...] *the spectacle (mashhad) of justice as it is reflected by wisdom*" (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980:23). Sehubungan itu, bersesuaian dengan konsep sastera dalam Islam sebagai '*al-adabi*', iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni (Shafie, 1996: 118-151), maka fungsi 'sastera' amat besar kepada agama dan masyarakat. Maka lahirlah genre sastera adab atau ketatanegaraan khususnya dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional.

Tajus Salatin (Mahkota raja-raja) adalah antara karya yang dikarang oleh Bukhari al-Jauhari pada tahun 1603 Masihi, hasil tindak balas pengarang dengan beberapa insiden yang berlaku di sekitar Istana Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah (1586 hingga 1604). Masalah perebutan kuasa dalam istana, pertambahan masyarakat majmuk kesan perkembangan perdagangan, serta kecintaan masyarakat Aceh kepada ilmu tasawuf menyebabkan perlunya satu panduan bagi menangani ketidakstabilan sosio-politik tersebut (Shah Rul Anuar Nordin 2014:5). Sejak itu *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* terus menjadi panduan kepada

raja dan pembesar di seluruh Alam Melayu dalam menjalankan pemerintahan secara beradab. Umumnya, kandungan kitab *Tajus Salatin* (*Mahkota raja-raja*) dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Sejarah manusia, dunia dan penciptaannya serta konsep tauhid.
2. Tatacara mentadbir kerajaan, konsep keadilan dan adab ketatanegaraan.
3. Pendidikan dalam pelbagai ilmu

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada bahagian ke-2 iaitu 'Tatacara mentadbir kerajaan, konsep keadilan dan adab ketatanegaraan' yang meliputi sepuluh (10) fasal daripada dua puluh empat (24) keseluruhannya. Jadual di bawah mengklasifikasikan sepuluh (10) Fasal *Tajus Salatin* (*Mahkota raja-raja*) dengan adab yang yang seharusnya ada dalam diri seseorang pemerintah iaitu:

Jadual 1: Hubungan Adab Raja dengan Fasal dalam *Tajus Salatin* (Mahkota Raja-Raja)

Bil.	Kategori adab	Fasal dalam <i>Tajus Salatin</i> (Mahkota raja-raja)									
		4	5	6	7	9	10	14	17	20	21
1.	Adab raja dipenuhi ilmu	√	√		√						
2.	Adab raja dalam pergaulan				√				√		
3.	Adab raja perlu adil			√		√			√		
4.	Adab menteri dan penasihat						√				

	raja									
5.	Adab raja terhadap hak anak						√			
6.	Adab raja terhadap rakyat (Islam dan bukan Islam)							√	√	√

Berdasarkan jadual 1 di atas, tidak hairanlah mengapa karya sastera ketatanegaraan *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* amat mahsyur sehingga ke seluruh Alam Melayu. Bermula di Aceh, kitab ini berkembang ke seluruh pelusuk Pulau Sumatera, Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Pulau Jawa. Kitab *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* ini juga telah digunakan oleh raja-raja di Johor-Riau selepas kegemilangan Aceh sebagai pusat keilmuan Islam di Alam Melayu. Sehubungan itu, analisis di bawah akan

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

membandingkan adab pemerintah dalam *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* dengan perilaku Sultan Hussain Muadzam Syah, sultan Singapura seperti yang digambarkan dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*.

1.2 Perbandingan Adab Pemerintah Antara *Tajus Salatin (Mahkota Raja-Raja)* dan *Inilah Syair Tenku Perabu Di Negeri Singapura Adanya*

Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya di Negeri Singapura atau *Syair Tenku Perabu* adalah antara syair yang disalin kembali pada 1250 Hijrah bersamaan 1835 Masihi oleh seorang pengarang Melayu yang tidak diketahui identitinya. Syair ini jelas menyentuh kemelut yang dihadapi oleh masyarakat Melayu di Singapura pada waktu itu dalam menyesuaikan diri dengan pentadbiran kolonialisasi British. Penggantian kuasa istana kepada sistem pemerintahan British telah melontarkan masyarakat Melayu kepada suatu sistem nilai dan pemerintahan yang amat berlainan dengan tradisi hidup, etos dan konvensi yang selama ini didukung oleh mereka. Misalnya raja-raja Melayu tidak lagi berkuasa mutlak sebaliknya dikawal oleh '*European rajas*' yang terdiri daripada para pentadbir British. Pergelutan masyarakat Melayu dalam menghadapi pelbagai transformasi kesan penjajahan ini telah menyebabkan lahirnya karya protes sosial dalam

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

bentuk syair seperti *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* pada tahun 1830-an oleh pengarang yang tidak diketahui identitinya.

Menurut Muhammad Hj.Salleh (1994:7), manuskrip syair ini mengandungi 162 bait, ditemui olehnya di Perpustakaan Negara Perancis di Paris (Mal.Pol.91). Oleh kerana kritikan dan protes yang berani kepada raja Melayu dan keluarganya, maka syair ini hanya dalam tulisan tangan tanpa dicetak. Syair ini dikatakan telah diedarkan secara 'gelap' dan sasaran khalayaknya adalah orang-orang British pada ketika itu (Muhammad Hj.Salleh 1994:7). Kemungkinan pemilik dan penyimpan karya syair ini juga seorang British berdasarkan terjemahan berbahasa Inggeris yang dicantumkan bersama karya ini ketika ditemui (Muhammad Hj.Salleh 1994:7). Syair ini mengisahkan isu yang melanggar ketertiban Diraja malah mengaibkan seluruh istana dan rakyat Singapura. Paparan realiti kehidupan raja Singapura (Sultan Hussain Muadzam Syah) yang tidak bertindak sebagai pemimpin sebagaimana yang diharapkan oleh rakyatnya menyebabkan karya ini dijadikan medium kritikan oleh pengarangnya. Dinyatakan bahawa baginda raja membiarkan dirinya diperbodohkan oleh permaisuri (Tenku Perabu) dengan kekasih 'gelapnya' yang bernama Abdul Kadir demi memenuhi tuntutan nafsu mereka. Pengarang dengan berani

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

dan berterus-terang mengkritik beberapa individu istana termasuk raja Singapura sendiri. Ini merupakan keberanian yang luar biasa dilakukan oleh seorang pengarang Melayu terhadap rajanya. Faktor yang mendorong situasi ini berlaku adalah disebabkan oleh keresahan masyarakat Melayu disebabkan oleh pembahagian sempadan geo-politik dalam Perjanjian Inggeris-Belanda (*Anglo-Dutch Treaty*) pada tahun 1824 yang amat signifikan dalam lipatan sejarah masyarakat Melayu. Perjanjian ini menyebabkan wilayah Melayu terbahagi dua antara Semenanjung Tanah Melayu (British) dengan wilayah kepulauan di bahagian selatan Singapura (Belanda) (Moorhead 1963: 124-125 dan Harrison 1967: 177). Namun, di pihak warga peribumi terutama dalam kalangan golongan bangsawan Melayu timbul konflik perebutan tampuk kekuasaan yang berlarutan khususnya di selatan Semenanjung Tanah Melayu setelah Kesultanan Johor-Riau terbahagi dua pada abad ke-19. Kejayaan atau kegagalan pihak yang terlibat dalam konflik ini ditentukan oleh kebijaksanaan mencari pengaruh dalam kalangan warga istana dan dua kuasa Eropah ini bagi mengatasi pesaing masing-masing. Percaturan politik Stamford Raffles ditambah dengan kelemahan Sultan Hussin Muadzam Syah memungkinkan Singapura yan

g awalnya merupakan sebahagian daripada Johor terpisah, dan berubah menjadi sebahagian wilayah Negeri-negeri Selat.

Berdasarkan kekecewaan ini maka *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* ini dikarang. Raja yang selama ini menjadi 'simbol kedaulatan bangsa Melayu', sebagaimana pendapat Milner (1982:104-109; 1995:16-24) bahawa, "[...] *he was the primary object of loyalty, he was central to every aspect of Malay life*" seolah-oleh terkubur dalam syair ini. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980:21) memperkuatkan situasi ini dengan berpendapat bahawa manusia selalu memandang remeh terhadap memelihara 'adab' dalam kehidupan sehinggakan mereka, "[...] *make alterations and confuses the places of things such that injustice occurs*'. Oleh kerana itulah, *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* tidak diketahui pengarangnya malah tidak pernah dibicarakan di tanah kelahirannya sehinggalah diperkenalkan oleh Muhammad Hj.Salleh pada tahun 1994. Kajian ini cuba membuktikan bahawa Sultan Hussain Muadzam Syah sebagai raja Singapura yang pertama mengalami kepincangan dalam pemerintahan atau jauh tersasar daripada panduan adab sebagaimana yang terdapat dalam *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dibandingkan dengan perilaku raja di dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*

seperti berikut:

1.2.1 Adab raja dipenuhi ilmu

Firman Allah swt. S.W.T. dalam surah *al-Mujadalah* (ayat 11) yang bermaksud, "Allah mengangkat beberapa darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan". Ini membuktikan pentingnya ilmu dalam kehidupan, apatah lagi bagi seseorang pemerintah. Sebagai '*role model*' kepada yang dipimpin, seseorang raja seharusnya mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam aspek tertentu untuk melayakkan dirinya digelar pemimpin yang berwibawa. Maka, ilmu pengetahuan adalah aset penting untuk memastikan wujudnya kualiti kepimpinan. Menerusi ilmu pengetahuan, seseorang pemerintah dapat menyedari hakikat kehidupannya terutama di dunia yang hanya bersifat sementara sebagaimana yang tertera dalam Fasal ke-4 *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)*. Ini bermakna, seorang raja yang beradab perlu memastikan dirinya berilmu agar dapat memimpin rakyat dan negara kota sebaiknya. Sebagai 'Khalifah Allah swt di dunia', seseorang raja perlu menyedari hakikat kehidupannya untuk mengimbangi keperluan dunia dan akhirat. *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* menekankan adab sebagai seorang pemerintah yang perlu dipenuhi ilmu demi menjamin kejayaan

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

pentadbirannya. Meneliti *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* didapati rajanya iaitu Sultan Hussain Muadzam Syah amat jauh dalam mengamalkan adab yang utama ini. Beliau digambarkan seorang yang hanya mementingkan materialistik dan keduniaan. Oleh kerana kurangnya ilmu di dada, baginda lebih memandang kesenangan dan prestij berbanding tanggungjawab sebagai pemimpin. Hasilnya, beliau sanggup menggadai maruah dengan menerima imbuhan daripada British sebanyak \$1300 sebulan. Akibat kedangkalan dalam ilmu juga, baginda menjalani kehidupan yang boros, banyak berhutang sehingga terjuallah Singapura ke tangan Stamford Raffles. *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* (1994:56) menyatakan situasi ini seperti berikut:

Di dalam kenangan tidak berputus
segala raja-raja utus-mengutus,
bergaji sebulan tiga belas ratus,
habis terjahanam bagai dihembus

Konsep waadat secara tidak langsung membentuk hegemoni kekuasaan antara raja terhadap rakyat. Fenomena ini mengabsahkan kekuasaan pemimpin terhadap rakyat dan meletakkan maruah pemimpin di tangan rakyat. Kedua pihak perlu saling sokong-menyokong agar terjalin hubungan

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

yang harmoni antara keduanya. *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* dalam Fasal 5 menerangkan bahawa seseorang raja akan diangkat kemuliaannya sekiranya pemerintahan dijalankan menurut hukum Allah swt dengan bermodelkan pemerintahan Rasulullah saw. Tetapi jika disebaliknya, rakyat tidak perlu setia kepada raja dan terlepaslah rakyat dari hukum Allah swt. Watak Sultan Hussain dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* digambarkan jauh dari mengamalkan adab dalam pemerintahan kerana tiadanya ilmu dalam dirinya. Buktinya, baginda digambarkan sangat lemah dalam menguruskan rumahtangga sebagai ketua keluarga sehingga diperbodohkan oleh permaisurinya yang terang-terangan 'bermain kayu tiga'. Rentetan itu, rakyat menjadi kecewa kerana pemerintah yang diharapkan tidak mampu mengawal skandal di istananya sendiri. Hasilnya, rakyat bangun memberontak kerana hilangnya konsep 'raja berdaulat' yang menjadi lambang 'ketuanan' Melayu selama ini menerusi frasa '**gagap, buta lalai dan tuli**' yang ditujukan kepada Sultan Hussain Syah seperti dalam petikan berikut:

Dari halnya sultan raja yang adil

Gagap dan buta lalai dan tuli

Beberapa dipersembahkan ke bawah duli

Sedikit pun tidak baginda peduli

*(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura
Adanya 1994:56)*

Raja yang menjaga adab sebagai pemimpin dengan mencintai ilmu tidak akan membiarkan rakyatnya daripada ditindas oleh 'pembesar' yang zalim sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal ke-7 *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)*. 'Pembesar' bermakna individu yang mempunyai kuasa dalam institusi pemerintahan terutama dalam mempengaruhi dan menasihati raja. Meneliti *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*, didapati raja lebih mendengar kata 'pembesar' kanannya, iaitu Abdul Kadir (Tambi) yang merupakan kekasih permaisurinya sendiri, berbanding individu lain. Permaisuri Tenku Perabu menggunakan kelemahan sultan untuk mendominasi kuasa sehingga rakyat merasakan mereka dizalimi. Maka 'hilanglah' hormat dan kepatuhan kepada institusi istana seperti bait syair berikut:

Tenku Perabu dan Tambi bertukar pakai

Cincin permata kain dan rantai

Seisi istana ramai mengintai

Siapa mendengar **disuruhnya bantai**

Ramai bersungut hairankan diri

Raja-raja apa bermain tidak berperni

Lalu naik ke darat melepaskan diri

Sedikit yang tinggal banyak yang lari

*(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya 1994:
58, 67-68)*

1.2.2 Adab raja dalam pergaulan

Raja yang hebat adalah raja yang sentiasa menjaga pergaulannya. Ini bermakna seorang pemimpin perlu mendampingi para ilmuan dan ulama agar dirinya sentiasa dipersiapkan dengan ilmu dan panduan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua negara. Fasal ke-7 dan Fasal

17 membicarakan mengenai adab ini dengan memberi penekanan kepada pentingnya 'pergaulan keilmuan' ini dalam menjamin keharmonian sesebuah negara. Melalui penelitian *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* didapati bahawa pengarang langsung tidak mengaitkan pergaulan Sultan Hussain Syah dengan para ilmuan atau ulama sebaliknya digambarkan raja Singapura ini sentiasa leka dengan kemewahannya sahaja. Sekiranya sultan bergaul dengan para ilmuan dan ulama' ini sudah pasti baginda tidak membenarkan maksiat oleh permaisuri dan orang kanannya (Abdul Kadir/Keling/Tambi) terus berleluasa sehingga ke tahap membunuh anak hasil zina ('**disuruh buangkan anak celaka**') seperti petikan berikut:

Hatta beberapa **dianui** Keling

Tenku Perabu berasa empat bulan bunting

Segera dipanggil bidan yang asing

Masuk ke bilik pintu dikancing.

Disuruh buangkan anak celaka

Ditanamkan di bawah pohon cempaka

Dibuangkan itu Tambi tak suka

Tenku Perabu digocoh kena di muka

(*Syair Tengku Perabu* 1994:57)

1.2.3 Adab raja perlu adil

Keadilan sangat dituntut terhadap seseorang yang bergelar pemimpin. Fasal 6, 9 dan 17 dalam *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* menyatakan dengan jelas kepentingan keadilan dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Misalnya dalam Fasal 6 (*Tajus Salatin* 1992:70) menyatakan akibat yang diterima oleh sesebuah negara sekiranya telah hilang 'daulat seseorang raja' disebabkan ketidakadilan terhadap rakyatnya. Manakala, Fasal 9 (*Tajus Salatin* 1992:108) menyatakan penderitaan yang dialami oleh rakyat sekiranya raja tidak adil dalam melaksanakan hukuman. Ini diperkuatkan oleh Fasal 17 dengan nasihat bahawa seseorang raja hendaklah mengadili hukuman seadilnya kepada rakyat tanpa tujuan menganiaya. Menerusi penelitian terhadap *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* didapati bahawa Sultan Hussain Syah bertindak membuta tuli menjatuhkan hukuman buang negeri kepada Tengku Jalil (anaknya sendiri) akibat percayakan fitnah isteri mudanya, iaitu Tenku Perabu. Tanpa berpeluang membela diri, Tengku Jalil terpaksa menerima

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

hukuman tersebut. Perasaan kecewa, sedih dan marah Tengku Jalil digambarkan terhadap ayahandanya, iaitu Sultan Hussain Syah seperti di bawah:

Pilu rasanya bukan kepalang

Terkenangkan ayahanda berhati walang

Letih dan lesu badan dan tulang

Keluarlah dari kota berjalan pulang

(*Syair Tengku Perabu* 1994:76)

1.2.4 Adab menteri dan penasihat raja

Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja) dalam Fasal ke-10 menyentuh tentang adab para menteri dan penasihat raja. Ini kerana negara yang makmur adalah negara yang dibarisi oleh para menteri yang bersatu hati serta setia berkhidmat dengan raja yang memerintah. Hebatnya sesebuah negara amat bergantung kepada kebijaksanaan dan kreadibiliti para menteri yang menjadi tulang belakang pemerintah. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* membuktikan bahawa jatuhnya beberapa buah negara kota disebabkan hilangnya adab antara menteri dengan rajanya. Misalnya kisah pembesar Singapura, Sang Rajuna Tapa yang berpaling tadah kepada pihak musuh (Majapahit) dengan membuka pintu Kota Singapura sehingga menyebabkan

jatuhnya Singapura ke tangan Majapahit. Malah, kejatuhan Melaka ke tangan Portugis juga disebabkan oleh tiada kesepakatan antara para pembesar Melaka, rasuah bermaharajalela dan para pembesar dipilih berdasarkan kesukaan raja bukannya kredibiliti dan kebijaksanaan mereka. Oleh kerana itulah, Fasal ke-10 memperincikan adab sebagai menteri dan penasihat raja yang merupakan tunjang kejayaan seseorang raja dalam mentadbir negara kota (*Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)*, 110). *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* ada menyentuh mengenai perkara ini apabila menteri (anak jati tempatan) yang tinggi akalbudinya tidak diterima pendapat mereka malah dikeluarkan dari perkhidmatan serta digantikan dengan 'orang asing' (Keling dan Benggali). Misalnya, apabila skandal permaisuri Tenku Perabu dan Abdul Kadir (Tambi) menjadi 'buah mulut' penghuni istana, mereka bertindak melulu tanpa berbincang dengan raja (Sultan Hussain Muadzam Syah). Semua pembesar dihalau dari istana dan dilucutkan jawatannya sebaliknya digantikan dengan 'Benggali' yang kononnya lebih jujur dan setia. Lebih menyedihkan, hilanglah adab sebagai menteri dan penasihat raja apabila golongan ini diperihalkan bebas memaki raja dan keluarganya seperti petikan di bawah:

Tenku Perabu dengan Tambi tidak peduli

Disuruhnya ambil mata-mata Benggali

Sekalian Melayu-Melayu dihalaunya sekali

Tenku Yahya, Encik Abu dihalaunya sekali

Masing-masing diam berhati gundah

Sambil memaki, menyumpah, meludah

Ke sana ke sini duduk terngadah

Malu dan nasib habislah sudah.

*(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura
Adanya 1994:60)*

Jelas bahawa tiada lagi perasaan hormat, setia, jujur dan patuh di hati para pembesar kepada raja dan keluarganya disebabkan oleh kejelekan moral yang berlaku. Pengarang dengan penuh rasa marah menggunakan bait ayat, "**Sambil memaki, menyumpah, meludah**" bagi menyuarakan kebencian secara langsung, melenyapkan konsep 'raja berdaulat' yang seharusnya disanjung di hati para pembesar negara.

1.2.5 Adab raja terhadap hak anaknya

Ketua keluarga yang diamanahkan kepada golongan lelaki merupakan tanggungjawab yang sangat tinggi di sisi agama Islam. Apatah lagi, jika ketua keluarga itu juga merupakan ketua sesebuah kerajaan, maka lebih berganda amanah yang perlu dipikul agar kekal hebat di mata rakyatnya. Fasal ke-14 dalam *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* memasukkan panduan memelihara anak agar adab raja sebagai ketua bagi sebuah institusi keluarga terhadap anaknya tetap terpelihara (*Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* 1992:147). Walau bagaimanapun, *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* menggambarkan bagaimana watak utamanya khususnya raja (Sultan Hussain Muadzam Syah) mengkhianati anak-anak mereka dengan pelbagai cara. Tengku Jalil difitnah tanpa pembelaan sewajarnya sehingga dibuang seketika dari negeri Singapura. Nyata, zuriat yang diamanahkan oleh Allah swt untuk dijaga dan dididik secara sempurna berdasarkan lunas agama dikhianati sesuka hati. Oleh kerana itulah, pengarang menggambarkan Tengku Jalil hilang rasa hormat kepada ibu tirinya (Tenku Perabu) sehingga dikatakan, "**Diintai-intai hendak dipalu**" kepada permasuri seperti berikut:

Tengku Jalil pun mendengar berasa malu

Hatinya geram bukan terlalu

Diintai-intai hendak dipalu

Di dalam begitu Tenku Perabu pun tahu

(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri

Singapura Adanya 1994: 58)

Pengkhianatan yang ketara dalam syair ini dinyatakan lebih beremosi oleh pengarang apabila hak puteri tunggal permaisuri diabaikan. *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* menunjukkan bagaimana adab raja terhadap hak anaknya dalam berumahtangga. Nyata, baginda tidak lagi menghormati hak puterinya dalam episod pemilihan calon suami, sebaliknya mempersetujui tindakan permaisuri yang jelas mempergunakan anak demi kepentingan nafsunya. Ini digambarkan bagaimana Tun Andak menjadi mangsa keserakahan nafsu ibunya dan kebodohan ayahnya (Sultan Hussain Syah) apabila dikahwinkan dengan Abdul Kadir (Tambi). Menerusi perkahwinan ini secara langsung 'menghalalkan' Abdul Kadir (Tambi) untuk terus menginap sebebarnya di istana. Kebencian pengarang diolah

menerusi bait, "**Anakku tuma, aku yang kutu**" dan "**meramas menarik kanan dan kiri**", menggambarkan seolah 'parasit' dalam keluarga diraja ini telah diiktiraf setiap tiindak-tanduknya seperti berikut:

Aku nan bini raja bernegeri

Sekalian pun tahu kanan dan kiri

Baiklah di Andak pulak kuberi

Kepada Tambi menjadi isteri

Apabila sudah kujadi menantu

Aku pun boleh menumpang di situ

Anakku tuma aku yang kutu

Di manakan tahu orang-orang di situ

Tambi pun suka tidak berperni

Cahaya mukanya berseri-seri

Meramas menarik kanan dan kiri

Tenku Perabu suka mendiamkan diri

(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya 1994: 72)

1.2.6 Adab raja terhadap rakyat (Islam dan bukan Islam)

Raja perlu menjaga adab dengan rakyatnya yang meliputi segala tingkah laku dan perbuatannya. Ini adalah kerana semua tindakan baginda sememangnya menjadi contoh atau ikutan rakyat yang diperintah. *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* memperihalkannya dalam Fasal ke-17, iaitu seorang raja perlu adil dalam pengadilan, bersedia mendengar sebarang aduan dan perlu berlemah lembut ketika berkata-kata dengan rakyat. Manakala dalam Fasal ke-20, dinyatakan pentingnya hubungan antara rakyat beragama Islam dengan rajanya. Seharusnya seseorang raja hendaklah sentiasa menjaga dan tidak mengabaikan hak rakyatnya tanpa mengira latar belakang agama dan keturunan. Walau bagaimanapun, fasal-fasal tersebut dinafikan dalam *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya*. Pengarang dengan berani 'mencarut' dengan bahasa kasar sehingga terbitlah '**pantat**' dan '**anu**' yang merujuk kepada alat kelamin manusia bagi menggambarkan kemarahan yang memuncak. Raja Katijah yang merupakan keluarga diraja Sultan Hussain dari Riau tampil menyuarakan bara emosi itu, iaitu:

Raja Khatijah berkata sambal menjerit

'Pantat siapa yang koyak rabbit

Dianui Keling tidak bersabit

Orang nan pulak disuruhnya terbit?

(Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri

Singapura Adanya 1994:58)

Meneliti adab raja dengan rakyat bukan Islam ditunjukkan dalam *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* dalam Fasal ke-17 dan 21 juga. Keharmonian menjaga hubungan dengan rakyat pelbagai agama dan latar belakang adalah amat penting kerana kehadiran golongan ini menjaga ekonomi negara terutamanya kepada Singapura yang semakin berkembang maju sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan di Alam Melayu pada awal abad ke-19 itu. Walau bagaimanapun, pengarang menggambarkan raja terlalu mementingkan rakyat bukan Islam ini sehingga dijadikan pekerja dalam istana menggantikan orang Melayu sendiri. Tindakan Sultan Hussain Muadzam Syah menganaktirikan bangsa sendiri membangkitkan kemarahan rakyat. Pengarang *Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya* (1992: 79-80) melukiskan kebencian ini sehingga mencetuskan 'rasisme kaum' tanpa disedari berdasarkan petikan di bawah:

Pesannya orang tua dari dahulu kala

Kepada kita sekalian segala

Bangsanya keling sudah tercela

Selama-lamanya mendatangkan bahana.

Keturunan laknat sia-sia dikutuk

Diharamkan oleh nenek dan datuk

Tak harus dibawa samakan seduduk

Ke dalam rumah janganlah masuk.

2.0 Kesimpulan

Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya mengandungi amanat protes pengarang yang sangat jelas dan berterus-terang. Watak-watak yang digambarkan oleh pengarang merupakan watak yang memang wujud dalam sejarah Johor-Singapura, seperti Sultan Hussain Muadzam Syah, Tengku Perabu, Abdul Kadir, Raja Katijah, dan sebagainya sebagaimana yang dinyatakan oleh Munshi Abdullah dalam *Hikayat Abdullah* (1953: 354-355) bahawa, "Maka apabila aku sampai sampai ke Singapura, maka kudengar berbagai-bagai khabar dari hal dalam istana Sultan Singapura, iaitu dari sebab ia mengasihi seorang Peranakan Keling anak Melaka [...] Maka dari

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

sebab itu menjadi sumbanglah pada pandangan segala orang besar-besarnya". Berdasarkan objektif kajian, didapati *Tajus Salatin (Mahkota raja-raja)* merupakan kitab panduan semua raja-raja di Alam Melayu sejak zaman Aceh pada abad ke-17 Masihi. Setiap raja yang inginkan keamanan dalam pentadbiran perlu mengaplikasikan setiap fasal kitab ini dalam kepimpinan mereka. Oleh kerana itulah, *Tajus Salatin (Mahkota Raja-raja)* sangat mashyur dalam negara kota Melayu sehinggalah ke era Johor-Singapura. Walaupun, Sultan Hussain Muadzam Syah juga menggunakan sastera ketatanegaraan ini sebagai panduan pemerintahannya, namun adab raja Singapura ini didapati tidak seiring seperti yang tergambar dalam Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya. Maka, akibatnya Sultan Hussain Muadzam Syah dilabel sebagai raja yang lemah dalam kepimpinannya sehingga terputuslah ketuanan dan kekuasaan Melayu di kota Singa itu ke tangan penjajah.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Andaya, L.Y. (1975). *The Kingdom of Johor, 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Asma Ahmat. (1994). Adab Raja-Raja: Satu Naskhah Melayu Genre Adab. *Jurnal Filologi Melayu*, 3: 119-134.
- Bagley, F.R.C. (pentj.). (1964). *Al-Ghazali's Book of Counsel for Kings (Nasihah al-Muluk)*. London: Oxford University Press.
- Barnard, Timothy P. (1994). Taman Penghiburan: Entertainment and the Riau Elite in the Late 19th Century. *The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society (MBRAS)*, 67(2): 17-45.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: Koninklijk Voor Taal, Land- en Volkenkunde.
- Braginsky, V. I. (1998). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad*. Jakarta: INIS.

- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, " 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " *JMS* Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272
- Braginsky, V.I. (2000). *Tajus Salatin* ('The Crown of Sultan') of Bukhari al-Jauhari as a Canonical Work and an Attempt to Create a Malay Literary Canon. In. Smyth, D. (Ed.) *The Canon in Southeast Asia Literature*. Surrey: Curzon Press.
- Brakel. (1969/1970). Persian Influence on Malay Literature. *Abr-Nahrain*, 9: 206-221.
- Cheah, Boon Kheng. (2006). *Pengadilan Moral, Hukum Syarak dan Hak Asasi dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geldern, H.R. (1942). Conception of State and Kingship in Southeast Asia. *Far Eastern Quarterly*, 2:15-30.
- Grinter, Catherine Anne. (1979). *Book IV of the Bustan Us-Salatin: A Study from Manuscripts of a 17th Century Malay Work Written in North Sumatra*. Tesis Ph.D. University of London.
- Fatimah Embong. (1982). *Beberapa Aspek dalam Kitab Taj us-Salatin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harrison, B. (1954). *South-east Asia, A Short History*. 3rd Edition. London: Macmillan.

- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " *JMS* Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272
- Jelani Harun. (1996). *Bustan al-Salatin: Konsep Sejarah Dunia dari Perspektif Historiografi Islam. Dewan Sastera* Mac: 34.
- Jelani Harun.(1999). *Bustan al-Salatin: Karya Sejarah Dunia (Universal History) dalam Pensejarahan Melayu Tradisional. Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 6: 1-33
- Jelani Harun. (2001). *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu yang Terakhir. Sari* 19:133 – 158.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Jelani Harun. (2004). *Pemikiran Melayu Tentang Keadilan Raja: Satu Analisis Berdasarkan Karya Adab Ketatanegaraan. Dlm. Worawit Baru Haji Ahmad Idris (Ed.). Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Jelani Harun. (2005). *Ilmu Firasat Melayu. In. Rogayah A. Hamid, Mariam Salim (Eds.). Kepustakaan Ilmu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Jelani Harun. (2006). *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin: Adab Ketatanegaraan Kesultanan Trengganu. In. Rogayah A. Hamid.*

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

Kesultanan Melayu Trengganu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun. (2009). *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Johns, A.H. (1961). The Role of Sufism in the Spread of Islam to Malaya and Indonesia. *Journal of the Pakistan Historical Society* 9: 143-161.

Khalid M.Hussain. (1966). *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalif Muammar A. Harris. (2011). Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji. *Sari*, 29(1): 79 – 101.

Marrison, G.E. (1955). Persian Influences in Malay Life (1280-1650). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 28: 52-69.

Milner, A.C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press.

Milner, A. (1994). *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.

Mohd Aris Othman. (1983). The Sultanate as the Basis for Malay Political and Cultural Identity from a Historical Perspective. *Sari* 1 (2): 161-174.

- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, " 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " *JMS* Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272
- Mohd.Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md.Radzi. (2013). In Search of a Just Leader in Islamic Perspective: An Analysis of Traditional Malay Literature from the Perspective of Adab. *Asian Social Science*. 9 (6): 22-29.
- Mohd.Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md.Radzi. (2016). Traditional Malay Literature and the Generation of Knowledge. *Pertanika*. 24 (5):87-96.
- Moorhead. F.J. (1963). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans of Malaya Ltd.
- Muhammad Hj.Salleh. (Ed.). (1994). *Syair Tantangan Singapura Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asma Ab.Aziz dan Muhd.Norizam Jamian. (2016). Akhlak Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu*. 15 (1):50-66.
- Shafie Abu Bakar. (1996). *Sastera Islam dalam Peradaban Ummah*. Simposium Serantau Sastera Islam. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Siti Hawa Haji Salleh (Ed.). (1992). *Bustan al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud," 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional " JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272

Siti Hawa Haji Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Nasional Malaysia Berhad.

Shah Rul Anuar Nordin dan Nik Kamal Wan Mohamed. (2014). 'Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh'. Dlm. Anuar Puteh dan Ahmad Irdha Mokhtar (Eds.). *Da'wah and Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.

Winstedt, R.O. (1979). *A History of Johore 1365-1895*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (Reprint). No.6.